



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 20 JANUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	MAFI TANGANI ISU TANAH SAWAH PADI PULUT KONTANG, BH -ONLINE MAFI AMBIL INISIATIF PASANG PAIP AIR, LOKAL, HM -8 BERGERAK SEIRING PERKEMBANGAN TEKNOLOGI, GAYA INOVASI, UM -24 PENUHI PASARAN JUAL DRON JENAMA SENDIRI, GAYA INOVASI, UM -25	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6.	PERUBAHAN IKLIM CABARAN INDUSTRI TERNAKAN, KOSMO -ONLINE MILIKI KILANG PROSES SUSU KAMBING RM3j, LOKAL, HM -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8.	NANAS MD2 BERPOTENSI JANA RM80,000 SEEKAR, BH-ONLINE MD2 PINEAPPLE GIVES AGRIPRENEUR SWEET TASTE OF SUCCESS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	NEWS IN BRIEF, NST -10 'MUSANG KING, IOI, D24 SEMUA TIDAK LAKU', NEGARA, KOSMO -16 RACUN NAIK HARGA, PESAWAH TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -10 BENA PERANG SERANG 17 HEKTAR PADI, NEGERI KEDAH, SH -26 SUDAH BOLEH TEKAN 'BUTANG PANIK', NASIONAL, SH -12 CULTIVATING SELF-RELIANCE, MUKA DEPAN, THE STAR -1 FINDING GREEN JOY IN ISKANDAR PUTERI, NEWS, THE STAR -2 LOCAL AUTHORITIES PITCH IN TO DEVELOP SUSTAINABLE PROJECTS, NEWS, THE STAR -2 & 3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAFI tangani isu tanah sawah padi pulut kontang



Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid (dua dari kanan) diiringi Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita Salim (kanan) meninjau tanah sawah padi pulut yang kontang di Kampung Baru, Mukim Ulu Melaka, Langkawi. - Foto NSTP/Hamzah Osman

LANGKAWI: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil langkah segera menerusi projek memasang paip bagi mengatasi isu tanah sawah padi pulut di pulau ini yang kontang.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid, berkata projek pengairan sawah dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Langkawi itu bermula minggu ini.

"Ia dilakukan hasil perbincangan dengan JPS Langkawi berkaitan isu air tidak sampai ke kawasan penanaman padi pulut yang dianggarkan kira-kira 38 hektar.

"Kita akan segerakan (pasang paip) minggu ini kerana inisiatif itu dijangka dapat menyelamatkan beberapa petak sawah yang sedang berhadapan isu itu," katanya selepas mengadakan dialog bersama peserta projek perintis tanaman padi pulut di Kampung Baru, Mukim Ulu Melaka, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita Salim; Timbalan Setiausaha Bahagian (Pembangunan Industri Padi) MAFI, Badarudin Mohd Kassim dan Pengarah LPP Kedah, Siti A'ini Othman.

Mengulas isu tuntutan ganti rugi yang dibangkitkan oleh pesawah yang terjejas, Haslina berkata, MAFI sudah mengumpul maklumat dan bersedia memberi perhatian untuk menyelesaikan isu itu.

"Sekiranya betul masalah kering kontang ini di luar kawalan, kita akan berikan perhatian dan pesawah akan mendapat hak mereka.

"Tanah sawah padi pulut yang berhadapan isu kering kontang ini adalah bagi penanaman musim 2/2021 dan sepatutnya dituai pada Mac ini," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan kebimbangan peserta projek terbabit yang bakal mengalami kerugian berikutan pelbagai masalah dan kelemahan pengurusan projek.

Antara isu yang dibangkitkan peserta termasuk kawasan sawah kering kontang dan banyak pokok padi mati akibat ketiadaan bekalan air selain saluran pula dipenuhi semak-samun dan tidak dibersihkan.

**SAWAH PADI PULUT KERING****Mafi ambil inisiatif pasang paip air**

**Langkawi:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengambil langkah segera memasang paip air bagi mengatasi sawah padi pulut menjadi kering akibat kekurangan air.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata pemasangan paip air bermula minggu ini akan dibuat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Langkawi.

"Hasil perbincangan bersama JPS Langkawi mendapati berlaku isu air tidak sampai ke kawasan penanaman padi pulut seluas 38 hektar.

"Kita akan segera pasang paip minggu ini kerana inisiatif itu dijangka dapat menyelamatkan beberapa petak sawah padi pulut," katanya selepas mengadakan dialog

bersama peserta Projek Rintis Tanaman Padi Pulut di Kampung Baru, Ulu Melaka di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita Salim, Timbalan Setiausaha Bahagian (Pembangunan Industri Padi) Mafi, Badrudin Mohd Kassim dan Pengarah LPP Kedah, Siti A'ini Othman.

Mengulas isu tuntutan ganti rugi dibangkitkan pesawah terjejas, Haslina berkata, Mafi sudah mengumpul maklumat dan bersedia memberi perhatian untuk menyelesaikan isu itu.

"Sekiranya betul masalah kering ini di luar kawalan, kita akan beri perhatian dan pesawah akan dapat hak mereka," katanya.

“  
Kita akan beri perhatian dan pesawah akan dapat hak mereka”

Haslina



**HASLINA** (dua dari kanan) bersama Azulita (kanan) meninjau tanah sawah padi pulut di Kampung Baru, Mukim Ulu Melaka, Langkawi, semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	24



Menyedari keperluan teknologi di dalam pertanian, seorang anak muda menerusi syarikat Woegar AG (M) Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan dron selain turut menjual dron jenama sendiri iaitu WD 25."



MOHD. SHAZWAN SUBAN

PENGUNAAN dron dalam pertanian menjimatkan masa, kos dan tenaga kerja selain lebih efisien sekali dengan perkembangan teknologi.

Woegar sedia perkhidmatan dron untuk pertanian

## Bergerak seiring perkembangan teknologi

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**B**ERDEPAN Revolusi Perindustrian (IR4.0) sektor pertanian juga perlu bergerak seiring dengan penggunaan teknologi dalam bidang tersebut dengan salah satunya penggunaan dron atau pesawat tanpa pemandu (UAV) dalam penanaman padi.

Kaedah tersebut adalah bagi menggantikan proses penyemburan racun serangga secara manual selain menjimatkan kos dan masa serta mampu mengurangkan kebergantungan tenaga kerja.

Menyedari keperluan teknologi di dalam pertanian, seorang anak muda menerusi syarikat Woegar AG (M) Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan dron selain turut menjual dron jenama sendiri iaitu WD 25.

Selain perkhidmatan penyemburan racun di kawasan penanaman padi di seluruh negara, syarikat berkenaan turut



SYARIKAT Woegar AG (M) Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan dron untuk semburan racun tanaman padi dan tanaman lain di seluruh negara.

membantu mengajar kaedah mengendalikan dron, pemasangan, penggunaan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan cara

menerbangkan dron.

Pengarah Urusan Woegar, Mohd. Shazwan Suban berkata, bermula dengan hanya sebuah dron pada tahun 2020, kini

syarikatnya sudah mempunyai 24 dron bagi menampung permintaan cukup tinggi perkhidmatan semburan racun di kawasan sawah padi itu.





Katanya, selain sawah padi, perkhidmatan dron tersebut turut merangkumi kawasan pertanian lain seperti kelapa sawit dan pelbagai lagi.

Ujar bapa kepada seorang anak itu, kos yang dikenakan bagi kawasan tanaman padi seluas satu hektar adalah RM62.50 sahaja berbanding membayar upah tenaga kerja sekitar RM90 hingga RM120 bagi keluasan sama.

Katanya lagi, penggunaan dron untuk menyembur racun bagi keluasan satu hektar kawasan tanaman padi hanya memerlukan masa sekitar 15 minit berbanding kaedah manual iaitu lebih dua jam bagi keluasan sama.

"Perkhidmatan dron yang diusahakan itu selari dengan perkembangan teknologi khususnya yang diperlukan di dalam bidang pertanian. Pertanian menuju ke arah teknologi yang menjimatkan masa, kos dan lebih efisien.

"Perkhidmatan dron yang disediakan itu dilengkapi teknologi pemetaan, kadar semburan rata, cepat dan pelbagai lagi kelebihan lain. Alhamdulillah perkhidmatan kami menerima sambutan cukup hebat sejak mula diperkenalkan dua tahun lalu.

"Kami pernah menerima perkhidmatan menggunakan teknologi dron untuk semburan racun di kawasan pertanian seluas 1,700 hektar. Malah, permintaan menggunakan dron di seluruh negara juga semakin meningkat," katanya.

Tambah Mohd. Shazwan, berikutan permintaan yang semakin tinggi, dia bercadang menambah dron sehingga 50 unit menjelang akhir tahun ini.

Katanya, difahamkan terdapat 11 syarikat perkhidmatan dron di seluruh negara dengan tiga daripadanya termasuk Woegar antara yang paling aktif.

Ujarnya, dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada para petani, dia mempunyai 52 tenaga kerja yang pakar dalam teknologi dan pengendalian dron.

"Daripada soal tenaga kerja, kita juga mendapat kerjasama daripada institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej Komuniti.

"Kita juga sering bekerjasama dengan IPT bagi memberi pendedahan daripada semua aspek bermula dengan pengenalan mengenai teknologi dron dalam pertanian, cara pemasangan sehinggalah kerja-kerja menerbangkan dron kepada pelajar," kata anak jati Kampung Nesam, Kangar, Perlis ini.



PEKERIA syarikat Woegar AG (M) Sdn. Bhd. mengendalikan dron yang dipergunakan dalam pertanian.

## Penuhi pasaran jual dron jenama sendiri

SEMENTARA itu, Mohd. Shazwan memberitahu, Woegar juga terus mengorak langkah dengan turut menjual dron dengan jenama sendiri.

Katanya, sebuah dron yang dijual itu adalah berharga antara RM45,000 hingga RM50,000 dan lengkap dengan pelbagai kelengkapan lain.

"Kita juga menawarkan servis dron percuma enam kali dalam setahun. Selain itu kita juga membantu daripada segi tunjuk ajar pengendalian dron dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, katanya, seperti sedia maklum IR4.0 bakal memberi kesan kepada sektor pertanian dan selaras dengan itu, pihaknya mengambil inisiatif bergerak seiring dengan perkembangan revolusi tersebut iaitu menyediakan perkhidmatan dron untuk pertanian.

"Sudah tiba masanya teknologi ini (dron) diperluaskan dalam sektor pertanian kerana ia bukan sahaja lebih berkesan untuk tanaman malah menjimatkan masa dan kos. Setiap musim, kita memerlukan enam kali atau lebih proses menyembur racun ini," katanya.

KOS perkhidmatan dron dikenakan bagi kawasan tanaman padi seluas satu hektar adalah RM62.50 sahaja berbanding membayar upah tenaga kerja sekitar RM90 hingga RM120 bagi keluasan sama.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2022	KOSMO	ONLINE	

## Perubahan iklim cabaran industri ternakan



IKLIM dunia yang sentiasa berubah memerlukan pengurusan pertanian dan ternakan lebih bergerak efektif bagi menghasilkan pengeluaran makanan yang mampan.

Pelbagai pihak termasuk kerajaan dan industri perlu mencari kaedah serta persediaan perancangan rapi bagi mengadaptasi perubahan iklim yang menyebabkan banjir dan kemarau luar biasa.

Menurut sumber Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu, lebih 40 peratus daripada keanjalan bekalan makanan disebabkan oleh pengeluaran makanan dari kawasan yang disediakan dengan sistem pengairan dan saliran.

Hal demikian memerlukan kreativiti serta inovasi terhadap ilmu, teknologi, polisi, pengurusan pertanian dan penternakan sedia ada.

Kelemahan dalam pengurusan bencana terutamanya daripada aspek pengumpulan data awalan serta edaran maklumat bencana terhadap para penternak boleh mengakibatkan kerugian besar.

Penternak di Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan terlibat banjir baru-baru ini mengalami kerugian lebih RM4 juta tidak termasuk kerosakan infrastruktur ternakan.

Industri ternakan ikan air tawar dalam negara kerugian lebih 20 juta semasa banjir baru-baru ini.

Kawasan-kawasan tumpuan ternakan di Pahang seperti Temerloh dan Kuantan mengalami limpahan air sungai luar biasa sehingga menyebabkan kerosakan pada infrastruktur ternakan ikan serta kerugian teruk akibat kematian ikan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah mengaktifkan Bilik Bencana Banjir dan menggerakkan pegawai serta kakitangan bagi menyelaras dan membantu memindahkan ternakan dari kawasan terjejas ke kawasan lebih selamat.

Bantuan ini termasuk pusat pemindahan segera sejeurus berlakunya banjir yang tidak dijangka termasuk makanan ternakan, rumput kering dan garam jilat turut diagihkan sebagai bantuan kecemasan kepada penternak.

Kerajaan turut memperuntukkan dana berjumlah RM80 juta di bawah Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan bertujuan membantu meringankan bebanan kumpulan sasaran yang terkesan akibat daripada bencana alam seperti banjir kilat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan, mereka akan terus membantu semua yang terkesan khususnya golongan petani, penternak, peladang dan nelayan serta pengusahadi sepanjang rangkaian agromakanan.



Langkah segera dan proaktif sangat diperlukan kerana penternak sedang berhadapan dengan lonjakan harga bekalan makanan dunia.

Import bekalan makanan semakin meningkat setiap hari dari segi harga mahupun penggunaan harian.

Krisis akan menjejaskan corak bekalan makanan dari pasaran asing. Kebergantungan Malaysia kepada produk import dijangka meningkat pada masa depan apabila pengeluar tempatan meninggalkan industri.

Selama bertahun-tahun, Malaysia adalah pengimport bersih makanan pertanian dan produk makanan.

Dalam hal ini, negara mengimport lebih RM51 bilion (AS\$12.14 bilion) produk makanan dan makanan pada 2018.

Dalam segmen pasaran makanan tertentu, Malaysia hampir sepenuhnya bergantung kepada pengimportan terutamanya dalam sektor daging, bersama dengan tenusu, makanan laut dan koko.

Malaysia mengimport kira-kira 80 peratus daging lembu dari negara lain, mencapai nilai import RM3.9 bilion (AS\$937.81 juta).



KEADAAN Sungai Parana yang kedua terpanjang di Amerika Selatan mengalami kemerosotahn paras air yang kritikal disebabkan perubahan iklim dunia.

Bekalan daging lembu domestik dipenuhi melalui pengimportan, terutamanya dari India (77 peratus), Australia (14 peratus) dan New Zealand (lima peratus).

Hampir semua ramuan produk tenusu diimport, termasuk tepung tanpa lemak dan

susu penuh, whey dan pepejal tenusu lain.

Produk import ini kemudiannya digunakan untuk menghasilkan susu pekat manis, yogurt dan susu cecair terlarut semula.

Import susu dan krim Malaysia juga meningkat dengan ketara tahun ke tahun, mencecah RM266.49 juta (AS\$63.7 juta) pada 2019.

Pembekal utama produk tenusu ialah New Zealand (37 peratus), A.S. (13 peratus) dan Australia (15 peratus).

Kini negara berhadapan dengan punca-punca awalan kepada krisis bekalan makanan di mana rantaianya telah mula terjelas.

Bekalan makanan haiwan semakin meningkat akibat corak iklim dunia oleh negara pengeluar seperti Brazil.

Sejak lebih setahun lalu, Sungai Parana, sungai kedua terpanjang di Amerika Selatan selepas Amazon mengering.

Panjangnya 4,500km menganjur dari Brazil hingga ke Argentina.

Sungai ini bukan sahaja nyawa ekonomi rakyat di kawasan terbabit, ia turut memberi kesan kepada harga ayam dalam negara.

Ia menjadi laluan tongkang membawa lebih 45 juta tan kacang soya dan 50 juta jagung bijian yang kemudiannya di eksport seluruh dunia atau 80 peratus bekalan bijiran Argentina. Argentina pula membekalkan 26 peratus keperluan bijiran dunia.

Sungai kering menyebabkan mereka terpaksa mencari jalan darat yang perlahan dan kos yang lebih tinggi.

Pada bulan Mei lalu, Argentina menghadkan eksport bijiran untuk melindungi keperluan dalam negara yang terjejas akibat kemarau.

Akibatnya, harga bijiran dunia melambung sekali ganda.

Untuk memahami kenaikan harga ayam, kita juga perlu memahami ekonomi bijiran, perkembangan cuaca atau bencana yang berlaku ditempat lain.

Sama seperti persiapan banjir.

Empat bulan terakhir ini, taburan hujan turun lebih banyak sehingga mencatatkan rekod di mana taburan hujan pada 18 hingga 22 Disember 2021 telah menyamai taburan hujan sepanjang tahun.





MUHAMMAD Hariz menunjukkan mesin memproses susu kambing UHT miliknya di Kampung Jenang.

## Miliki kilang proses susu kambing RM3j

**Marang:** Kira-kira 10 tahun lalu, seorang pemuda dari Kampung Kuala Ibai hanya penternak kambing biasa, namun kini dia memiliki kilang memproses susu kambing bernilai RM3 juta.

Kilang memproses susu kambing jenama KAPRIMA itu beroperasi di Kampung Jenang, di sini, sejak 2019.

Muhammad Hariz Nordin, 35, berkata, dia menternak kambing jamnapari pada 2011 sebelum bertukar kepada penternakan kambing saanen iaitu kambing tenusu dari Australia pada 2014.

"Saya mula menjual susu kambing segar dan sejuk beku secara kecil-kecilan dan selepas permintaan serta jualan susu kambing semakin meningkat, saya melaburkan RM500,000 untuk meluaskan saiz penternakan kambing saanen di Setiu.

"Hasil penternakan dan pengeluaran susu saanen itu, saya menerima Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan 2016 dan Anugerah Usahawan Kecil Paling Berjaya 2018," katanya ketika ditemui di kilangnya, semalam.

Muhammad Hariz berkata, anugerah itu memberi motivasi dan semangat untuk berjaya dalam bidang

penternakan dan pengeluaran susu kambing saanen sebelum membeli mesin memproses susu kambing kaedah ultra heat temperature (UHT).

Menurutnya, sebelum ini, susu kambing dikeluarkan secara tradisional tidak bertahan lama dan cepat rosak, tetapi sejak menggunakan kaedah UHT, susu bertahan lebih lama pada suhu bilik seterusnya boleh dipasarkan secara meluas.

"Saya bersyukur apabila bidang penternakan memberikan pulangan lumayan sekarang dan keputusan meninggalkan kerjaya sebagai jurutera dan menolak tawaran sebagai pensyarah di sebuah universiti awam memang tepat.

"Pada peringkat awal, bimbang juga untuk menceburi bidang penternakan itu maklumlah saya langsung tidak mempunyai ilmu dan pengalaman mengenainya.

"Bagaimanapun kerana minat dan bimbingan berterusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, saya berjaya hingga ke tahap sekarang," katanya yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Univesiti Sunderland, England," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Nanas MD2 berpotensi jana RM80,000 seekar



Tanaman nanas tidak banyak 'kerenah' dan menghasilkan pulangan lumayan - Foto Facebook Johol Pine

KUALA LUMPUR: Berpotensi menghasilkan pendapatan hingga RM80,000 bagi setiap ekar (0.4 hektar), perladangan nanas MD2 sememangnya berbaloi diteroka.

Hasnul Amri Jamaluddin dari Johol, Negeri

Sembilan antara yang sanggup meninggalkan kerjaya berpejabat dan menceburi bidang itu.

Hasnul Amri, 27, menukar kawasan bertanah mineral di lereng bukit seluas lapan ekar miliknya kepada ladang nanas MD2 yang dijangka mengeluarkan hasil pertama pada Mei ini.

Menurut usahawan muda itu, selain pulangan lumayan, tanaman nanas juga tidak banyak 'kerenah' dan buah pula boleh menghasilkan pelbagai produk lain seperti jus yang semakin popular dalam kalangan masyarakat.

Potensi pasaran buah nanas segar juga besar di negara ini dan tidak putus, katanya ketika ditemui Bernama baru-baru ini.

Hasnul Amri berkata, sebelum menjadi usahawan tani, beliau adalah penyelidik di Kementerian Kesihatan selepas menamatkan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia pada 2018.

"... namun hati saya sebenarnya lebih meminati bidang perniagaan dan pertanian. Maka saya ambil keputusan menceburi bidang pertanian nanas," katanya, menambah usaha beliau dibantu oleh bapa saudaranya.

Bagaimanapun katanya, sebelum membuka ladang nanas itu, beliau terlebih dahulu mempelajari ilmu mengenai pertanian dan juga tanaman berkenaan.

Menurutnya, beliau memperoleh 24,000 benih nanas daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan memulakan penanaman fasa pertama pada Mac 2021, membabitkan 13,000 pokok berbekalkan modal RM45,000 bagi setiap ekar.

"Pokok nanas mencapai tempoh matang pada usia sembilan bulan, iaitu tempoh sesuai untuk menjalankan aktiviti aruhan pendebungaan.

"Proses ini dijalankan secara berperingkat bagi mengawal jadual pengeluaran hasil. Secara keseluruhan, tanaman nanas boleh dituai hasil dalam tempoh 14 bulan selepas penanaman," katanya yang merancang memperluas ladang hingga 100,000 pokok dalam masa terdekat.

Sementara menunggu hasil ladang sendiri, Hasnul Amri tidak berpeluk tubuh, sebaliknya mengusahakan kilang jus nanas yang beroperasi di Shah Alam, Selangor.

Menurutnya, beliau mendapatkan bekalan nanas berkualiti tinggi daripada pengusaha ladang nanas lain yang menyaksikan jus jenama Johol Pine mula dipasarkan secara dalam talian pada penghujung Jun tahun lalu.

"Hingga kini kami berjaya menjual kira-kira 8,000 botol jus segar dengan pendapatan keseluruhan sekitar RM24,000," katanya, menambah beliau hanya menggunakan buah premium AA, iaitu dengan berat dua kilogram ke atas.

Menurutnya, pemilihan buah juga harus dilakukan secara berhati-hati bagi mengekalkan kesegaran jus dan rasa manis buah asli.

"Saya tidak menggunakan sebarang perisa tambahan apatah lagi perisa tiruan dalam jus ini," katanya, menambah beliau bercadang untuk mengeluarkan produk sambal hitam nanas dalam tempoh terdekat.

Pada masa sama, Hasnul Amri yang berdaftar sebagai usahawan nanas dengan LPNM, menasihati mereka yang berminat menceburi bidang itu agar mematuhi kaedah penanaman mengikut teknologi yang disyorkan oleh LPNM, bagi memastikan penghasilan buah berkualiti dan mengikut tempoh yang sewajarnya.

Sementara itu, Pengarah LPNM Negeri Sembilan dan Melaka, Siti Hajar Ramlee, berkata terdapat pelbagai bantuan yang disediakan untuk pengusaha nanas mengikut program yang ditetapkan oleh lembaga itu.

Antaranya ialah Program Pengukuhan Tanaman Nanas Bernilai Tinggi yang menyalurkan bantuan berupa 42,000 sulur nanas - mencukupi untuk sehektar, serta bantuan input pertanian berupa baja sebatian nitrogen, fosforus dan kalium (NPK) mengikut keluasan ladang.

"Syarat permohonan pula ialah peserta mestilah warganegara Malaysia dan tanaman nanas yang dimiliki ialah secara tunggal, mempunyai pemilikan tanah yang sah serta keluasan minimum adalah seekar," jelasnya.

Bagi peserta Program Integrasi Tanaman pula, mereka akan menerima bantuan berupa 8,000 hingga 10,000 sulur nanas setiap ekar, manakala untuk peserta Program Agropreneur Muda, bantuan geran akan diberikan dalam bentuk barangan (dengan nilai maksimum RM20,000 setiap individu).

"Syarat permohonan untuk program ini ialah individu berumur 18 hingga 40 tahun dan baru memulakan projek tanaman. Mereka juga wajib mengikuti latihan teknikal yang dianjurkan oleh jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau yang diiktiraf kementerian," jelasnya.

Menurut Siti Hajar, LPNM sentiasa mengadakan kursus secara teori dan juga amali kepada pengusaha dan maklumat lanjut boleh didapati daripada laman sesawang LPNM ([www.mpib.gov.my](http://www.mpib.gov.my)) atau media sosial rasmi Facebook LPNM.

Berkongsi mengenai potensi industri nanas untuk pasaran di dalam dan luar negara, Siti Hajar berkata pasaran dalam negara mempunyai ruang untuk berkembang dengan lebih luas kerana kekurangan saingan dari luar negara.

"Untuk pasaran luar negara, permintaan nanas segar daripada negara China sahaja sebanyak 100 kontena sebulan. Industri nanas juga menguasai beberapa pasaran utama seperti di negara Timur Tengah, Singapura dan Jepun, selain penerokaan pasaran baharu seperti di Eropah yang akan membantu meningkatkan lagi kecemerlangan industri nanas Malaysia.



"Ini kerana, pelbagai produk dapat dihasilkan daripada sebiji nanas. Antaranya ialah produk berasaskan makanan seperti kerepek nanas, sos nanas, kopi nanas, jus/minuman, jem dan tart nanas, manakala produk bukan makanan adalah seperti kertas, silaj, kosmetik dan benang serat nanas.

"Perlu kita tahu buah nanas penuh dengan khasiat seperti vitamin C, B, dan enzim bromelin. Nanas MD2 pula memiliki lebih kemanisan, pulpanya lebih manis, kurang serat dan mengandungi empat kali lebih banyak vitamin C daripada nanas jenis lain. Sebab itu kita jangkakan industri nanas, terutama MD2, mempunyai potensi besar dan perlu terus diteroka dari semasa ke semasa," ujarnya.

-BERNAMA

## MD2 pineapple gives agripreneur sweet taste of success

**KUALA LUMPUR:** Hasnul Amri Jamahuddin joins a growing number of young agripreneurs who are capitalising on booming consumer demand for the MD2 pineapple (Ananas comosus) variety.

Hasnul Amri, 27, who hails from Johor, Negri Sembilan, left his desk job as a researcher to focus on the MD2 hybrid's cultivation, given that it can potentially generate revenue of up to RM80,000 for each acre (0.4ha).

His farming journey took off after he acquired an eight-acre piece of mineral land located on a hillside, and later converted it into an orchard for the cultivation of the MD2 variety, which is expected to start bearing fruit this May.

Currently, there is a huge market potential for fresh pineapple in this country.

Hasnul Amri said before becoming an agripreneur, he was a researcher at the Health Ministry after completing his studies at Universiti Sains Islam Malaysia in 2018.

He said he received 24,000 pineapple seedlings from the Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) and started planting 13,000 seedlings under the first phase in March last year, with a budget of RM45,000 for each acre.

"Pineapple plants start to flower upon reaching maturity in nine months.

"This planting is carried out in stages for production control. As a whole, harvesting of the crop can be carried out within a period of 14 months after planting," said Hasnul Amri, who plans to have up to 100,000 plants on his farm in the near term.

Hasnul Amri also has a pineapple juice factory in Shah Alam, Selangor. He gets his supply of good quality pineapples from other farm operators and markets it under Johor Pine brand.

"To date, we have sold about 8,000 bottles of fresh juice generating total revenue of about RM24,000," he said, adding that he only uses premium AA fruits, weighing 2kg and above.

Meanwhile, MPIB director for Negri Sembilan and Malacca Siti Hajar Ramlee said various types of assistance are extended to pineapple entrepreneurs based on the programmes prepared by the board.

Participants of the pineapple plantation integrated project will receive assistance in the form of grants comprising 8,000 to 10,000 suckers per acre, while for participants under the Young Agripreneur Programme, grant assistance will be given in the form of products (with a maximum value of RM20,000 for each individual).

"For overseas markets, demand for fresh pineapples from China alone is 100 containers a month. The


pineapple industry has gained a foothold in several markets such as the Middle East, Singapore and Japan.

In addition, new markets in Europe will propel the Malaysian pineapple industry to new heights.

"The pineapple fruit is a rich source of vitamins C, B and bromelain enzyme.

"The MD2 variety is sweeter than other varieties - its pulp sweeter, with less fibre and contains vitamin C four times more than other types of pineapples. Given these attributes, we are confident that the pineapple industry, especially the MD2, will continue to grow by leaps and bounds," she added. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2022	NST	NEWS IN BRIEF	10



*Ridzuan Khalid and his brother, Hanafi Khalid (right), tending to their cows at their farm at Felda Bukit Kepayang in Bera on Tuesday. BERNAMA PIC*





ZAINUDDIN menunjukkan durian tok litok yang tidak laku di Bandar Baru Jerantut semalam.

Peniaga durian di Jerantut tanggung kerugian

# 'Musang king, IOI, D24 semua tidak laku'

Oleh HARIŞ FADILAH AHMAD

**JERANTUT** – Sebut sahaja musang king, IOI, D24, tok litok dan durian kampung Ulu Cheka mesti raja buah tersebut akan menjadi buruan penggemarnya.

Namun, berbeza pula kali ini apabila durian yang berbuah di luar musim itu tidak laku dijual sehingga mengakibatkan peniaga menanggung kerugian.

Seorang peniaga di Kampung Damak, Zulkifli Mamud, 56, berkata, dia terpaksa menanggung kerugian apabila buah durian di luar musim tidak mendapat perhatian pelanggan termasuk melalui jualan dalam talian.

"Banyak baka durian kampung yang kami pasarkan di tepi

jalan Jerantut ke Benta langsung tidak diendahkan pemandu kenderaan berbanding sebelum ini.

"Selalunya, ketika musim durian kawasan Damak mendapat perhatian dan dipenuhi penggemar durian dari seluruh pelosok negeri," ujarnya semalam.

Zainuddin Omar, 62, yang menjual durian di Bandar Baru Jerantut berkata, dia berasa pelik apabila pelbagai jenis durian termasuklah musang king yang dijualnya tidak mendapat sambutan penggemar.

"Hanya saya menjual durian di sini, orang ramai yang berkunjung ke pekan sehari bandar ini tidak menoleh atau bertanya harganya seperti kebiasaan.

"Hanya dua orang sahaja

datang membeli buah durian hari ini," ujarnya kecewa.

Katanya, pelbagai jenis durian diborong dari Damak dan Ulu Cheka di sini seperti durian kampung, durian kahwin, IOI, D24, tok litok dan pelbagai lagi durian berkualiti baik tidak terjual.

"Harganya berpatutan seperti durian kahwin dijual antara RM20 hingga RM25 sekilogram, musang king gred B (RM30-RM35), musang king gred A (RM60-RM80), manakala durian kampung adalah antara RM10 hingga RM15 bagi sekilogram.

"Durian kahwin tidak tahan jika tak dijual dalam tempoh tiga hari, ia dibuang begitu sahaja berbanding durian kampung yang boleh dibuat tempoyak," katanya.



# Racun naik harga, pesawah terjejas

Oleh WAT KAMAL ABAS

utusannews@mediamulia.com.my

**PARIT BUNTAR:** Kenaikan harga racun menjejaskan pesawah di daerah ini yang akan memulakan musim tanaman baharu tidak lama lagi.

Pesawah, Abdul Malik Mohammed, 55, berkata, kerajaan perlu segera mencari inisiatif bagi memastikan kenaikan harga racun termasuk racun serangga dan kulat tidak membebankan pesawah.

Menurutnya, pesawah seolah-olah hilang semangat untuk memulakan tanam musim baru disebabkan kenaikan harga racun.

"Racun rumput, siput, kulat dan macam-macam lagi semuanya naik tak termasuk kos jentera, upah dan lain-lain.

"Jika keadaan berterusan seperti ini, sudah pasti pesawah



**SEORANG** pesawah melihat padi yang baru ditanam di Parit Buntar. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

akan mengubah tanaman padi kelapa dan kelapa sawit yang

"Tidak mustahil ada pesawah kepada tanaman lain seperti kurang penggunaan racun," ka-

tanya kepada pemberita.

Menurutnya, dalam keadaan sekarang, adalah mustahil harga racun akan turun berikutan peningkatan harga bahan itu di pasaran dunia.

"Selain cadangan menaikkan subsidi racun dan baja kepada pesawah, kerajaan juga disaran memberi insentif khas untuk pesawah sekurang-kurangnya RM100 sehektar.

"Ini bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung pesawah bagi membeli racun yang diperlukan," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, kerajaan sedang berbincang dan kajian mengenai masalah itu.

"Belum ada sebarang kata putus dan perkara itu masih lagi dalam perbincangan," ujarnya.



# Bena perang serang 17 hektar padi

Lebih 20 petani berputih mata rugi RM60,000 tanaman padi diserang penyakit dikenali sebagai 'bom'

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

## POKOK SENA

Lebih 20 petani di Kampung Bukit Larek dan Kampung Apil dekat sini mengalami kerugian RM60,000 selepas kira-kira 17 hektar tanaman padi yang diusahakan mereka sejak September lalu diserang penyakit bena perang atau dikenali 'bom'.

Seorang petani, Mohd Syawal Abu Bakar, 45, dari Kampung Bukit Larek berkata, dia kerugian RM10,000 selepas tiga hektar tanaman padi yang diusahakan



Petani menunjukkan padi yang rosak akibat penyakit bena perang di petak padi di Kampung Bukit Larek pada Selasa.

rosak akibat penyakit tersebut. Menurutnya, pelbagai kaedah telah digunakan untuk mengatasi masalah itu termasuk mencuba pelbagai jenis racun, namun tanaman padinya tetap mati.

"Saya mula perasan tanaman padi kena 'bom' pada penghujung Disember lalu sewaktu pokok sudah mula mengeluarkan basil.

"Penyakit ini sekejap saja menyering. Dalam satu minggu sahaja habis satu petak tanaman

rangan penyakit bena perang.

"Saya mengusahakan kira-kira lebih tiga hektar tanaman padi dan lebih separuh daripadanya terkena penyakit ini. Setakat ini tiada kaedah betul-betul berkesan menyekat penyakit 'bom' memular ke petak padi lain melainkan dengan membakar pokok padi yang rosak sahaja.

"Saya buntu memikirkan modal yang diperlukan pada musim akan datang. Pada musim ini sahaja kerugian RM8,000 manakala pada musim lepas rugi disebabkan oleh banjir," katanya.

Sementara itu, Ketua unit Kampung Bukit Larek, Ismail Ahmad, 55, berkata, dia telah maklumkan masalah itu kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pokok Sena untuk tindakan susulan pihak berkaitan.

Jelasnya, serangan penyakit ini dilihat ketara musim ini dan ramai petani mengadu dan merka berharap agar ada bantuan pusingan modal dapat dihulurkan daripada pihak bertanggungjawab untuk meringankan beban.

dan keadaan ini dikenali sebagai *hopperburn* yang menyebabkan pengurangan hasil padi.

Seorang lagi petani, Ahmad Sabani Abdullah, 49, dari Kampung Apil berkata, dia buntu memikirkan modal pusingan seterusnya yang diperlukan bagi musim baharu Mac ini.

Menurutnya, musim lalu merka ditimpa musibah bencana manakala musim ini pula terpaksa berputih mata akibat se-

padi jadi kuning dan batang termasuk daun pula mereput," katanya pada pemberita ketika ditemui di Kampung Bukit Larek pada Selasa.

Difahamkan, penyakit bena perang akan menyering pangkal rumput padi berthampiran permukaan air dan menghisap cairan dalam pokok padi.

Jika kawalan tidak dilakukan, pokok padi tersebut akan kering seperti terbakar seterusnya mati



# Sudah boleh tekan 'butang panik'

Pakar saran kerajaan kuasai 20 peratus bekalan bagi mengurangkan lonjakan harga yang melampau

Oleh ROSLINDA HASHIM

## ALOR SETAR

**K**erajaan disaran mewujudkan segera mekanisme kawalan harga berkesan dengan menguasai sekurang-kurangnya 20 peratus daripada bekalan barangan dalam pasaran untuk menstabilkan harga.

Pensyarah Kanan Antarabangsa, Sekolah Pengajian Antarabangsa dari Universiti Utara

Malaysia, Dr Mohd Azwardi Md Isa berkata, kajian dan penguatkuasaan tidak lagi mampu

membendung kenaikan harga barang, maka sudah tiba masanya kerajaan mempunyai 'butang panik' untuk digunakan ketika keadaan semakin meruncing.

Menurutnya, sebagai contoh mekanisme semak dan imbang mampu mengawal harga barangan sebagai langkah terakhir selain kajian, tindakan dan penguatkuasaan sedia ada.

"Cadangan National Feedlot Corporation boleh dijadikan model bagi tujuan itu. Agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) boleh dijadikan perintis dengan mewujudkan syarikat khusus penternakan dan pertanian.

"Telur, ayam, itik, daging lembu, sayur untuk rakyat dihasilkan oleh syarikat ini berlandaskan konsep ladang sejahtera yang dikenal pasti di setiap

**MOHD AZWARDI**

negeri untuk dibangunkan. "Kita mempunyai sumber manusia, kecekapan dan tekno-



Harga barangan melonjak tidak mengikut kadar yang boleh diterima akal boleh membebankan rakyat.

**EKSKLUSIF**

ngeluh, ia amaran harga makanan siap dimasak pasti akan naik kerana mereka berniaga untuk ke-langsungan hidup, bukan untung ratusan ribu sebulan," jelasnya.

Akuinya, barangan dalam sektor pembinaan juga semakin tidak terkawal harganya.

"Ramai kontraktor kecil terutama bumiputera berdepan dilema bakal gulong tikar.

"Kesannya berantai, harga rumah pula bakal naik mendadak dan menyuarakan rakyat memiliki rumah sendiri. Episod kenaikan harga barang ini seperti tiada penyelesaian," katanya.

Jelasnya, untuk wujudkan kuasa kawalan harga barangan asas binaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) perlu melibatkan diri secara langsung dalam sektor pembinaan seperti kuari pasir dan simen.

"Pemilikan itu penting bagi menstabilkan harga pasaran. CIDB boleh meneroka, membina atau membeli dan menguruskan kilang pasir serta simen," katanya.

atau sudah berlarutan sejak sekian lamanya," ujarnya.

Tegasnya, kenaikan harga barangan melonjak tidak mengikut kadar yang boleh diterima akal sehingga membebankan rakyat.

"Harga siling ayam RM9.10 bakal dinaikkan lagi, alasannya untuk wujudkan situasi menang-menang antara pembeli dan penjual. Telur ayam naik sehingga RM15 sepapan, pembekal mengurangkan bekalan kepada pen-runcit dengan alasan kenaikan harga dedak dan kematian ayam.

"Seterusnya kenaikan harga melibatkan sayur. Pemilik kedai makan di kampung juga me-

logi setanding negara maju untuk laksanakan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, Rabu.

Mohd Azwardi berkata, menerusi kaedah tersebut, negara dapat menguasai rantaian pengeluaran bermula daripada benih sehingga beroleh hasilnya.

"Isu utama bukan penguatkuasaan undang-undang, penggubalan akta atau pemantauan. Kesemua itu telah dilakukan dengan baik oleh kerajaan melalui agensi terlibat.

"Namun, siapa yang menguasai harga barang? Adakah kenaikan berlaku selepas pandemik Covid-19 atau banjir besar





# Cultivating self-reliance

Urban farming projects aimed at generating income and fostering community ties are getting the support of local authorities in Iskandar Puteri, Johor, in efforts to ensure these green ventures stay active. >2&3

**Flourishing flock:** Presint Utama Mutiara Rini resident Muhammad Faiz Yusof feeding ducks at the Pondok Kebun community farm in Iskandar Puteri, Johor. — THOMAS YONG/The Star



JOHOR

# Finding green joy in Iskandar Puteri

## Urban farming a stress reliever for residents amid pandemic

Stories by VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

ALL it took was six months for the residents of Presint Utama Mutiara Rini in Skudai, Johor, to change the landscape of an abandoned, snake-infested piece of land into a community urban farm thriving with plants.

There are also ducks, chickens and fishes that add to the farm's allure.

The Pondok Kebun project is led by former landscape architect Md Azaly Man, 43, with the support and commitment of more than 100 neighbours.

"The 0.8ha land was sitting idle for over 20 years filled with overgrown bushes.

"It was also a breeding ground for snakes as we found several snake eggs while clearing the land.

"In late June last year, we decided to do something about it as

many people were unable to go to work at that time, due to the Covid-19 pandemic.

"Over time, we were able to plant fruits and vegetables, build a fish pond and a barn for chickens and ducks," he told *StarMetro*.

He said there were over 10,000 fishes, including tilapia and catfish, as well as hundreds of ducks and chickens on the farm.

"Apart from trees such as durian, guava, papaya and sugar cane, we also planted *padi* using the hydroponic method. It is probably the first *padi* farming initiative in an urban area.

"Although we could only plant a small amount of *padi*, it is definitely something we are proud of as we have proven that it can be grown in an urban environment," he added.

Md Azaly said that while the residents were able to generate income from the plants, fishes, poultry and eggs, the main objective behind the



Liyana and husband Muhammad Faiz Yusof, 36, taking a closer look at the *padi* growing at Pondok Kebun. — THOMAS YONG/The Star

urban farming project was to foster better relations within the community.

"Our main purpose is not to generate income, but to get the community working together and give residents a space to unwind with their loved ones," he said.

"Residents can buy the fruits and vegetables we harvest.

"The income we get is used to further develop our farm."

He said residents now knew each other and even got together to provide flood relief for victims in Pahang and the Klang Valley.

"We also educate our young on farming and the importance of teamwork, besides passing on other values.

"It is also nice to see that residents have a space to go to for evening walks with their families.

"We hope other neighbourhoods will be inspired to initiate such projects, as it is not only good for the environment but also for their own mental health," said Md Azaly.

Another resident, retired civil servant Rosli Arshad, 63, is happy to indulge in farming in his retirement years.

"I have always been intrigued by the idea of farming but never had the time to explore it during my working years as there were a lot of other commitments.

"Now that I am retired and have time on my hands, I can learn a thing or two about farming.

"It is such a relaxing activity and I enjoy working on the farm with my wife.

"We come here almost every day during our free time to water the plants and feed the animals," he said.

Baker Liyana Zohiri, 33, said she and her husband were building a flower nursery at the farm.

"My mother-in-law is a resident here, and we come frequently to contribute what we can for the farm.



Tan depends on his vegetable patch in Taman Perling for his daily meals.

## Local authorities pitch in to develop sustainable projects

THE Iskandar Puteri Low-Carbon grant initiated last year has been awarded to 14 community groups in Iskandar City, Johor.

Iskandar Puteri City Council (MBIP) launched the grant to sponsor the development of green projects in areas under its administration.

The programme is an effort to encourage the growth of community and urban farms in Iskandar City, MBIP town planning officer Safwan Shaari said.

He said the 14 groups were awarded a RM15,000 grant each to further develop or kick-start community farming projects.

"We launched the pilot project last year and it caught the attention of many communities who were interested in starting or

expanding their community farms.

"This year, we plan to open applications for the grant in March and double the funding to empower more communities to carry out green projects," he said.

He added that so far, there were 14 community farms and one urban farm under MBIP, with the first one initiated in 2015.

The Kangkar Pulai Kenari Flats community farm, which was shortlisted in the Town and Country Planning Department (PLANMalaysia) Green neighbourhood Award contest in 2020, is among the successful projects.

"Community farm projects are usually those initiated by the community itself, non-governmental organisations (NGO) or lecturers from Universiti Teknologi Malaysia

(UTM)," said Safwan.

"They do not generate much income and focus on producing a low-carbon community.

"Urban farms, on the other hand, are larger projects that can also generate income and have better production capacity," he explained.

He said MBIP aimed to empower more communities to embark on green projects while encouraging existing green communities to keep their farms alive.

"We currently have about five community farms that are not very active.

"We hope to encourage them to be active again, this year, by introducing them to the Hugelkultur method, which is a more sustainable farming method compared to

fertigation," he elaborated.

MBIP observed that between 2015 and 2018, communities in Iskandar Puteri were using the fertigation method.

"The fertigation method requires more manpower and expertise.

"More than 90% of the community farms have become inactive after a year as it is difficult to keep up with the maintenance of the farms through the fertigation method," said Safwan.

In 2018, MBIP collaborated with UTM to come out with the German Hugelkultur method which was more suitable for the environment and community, he said.

"This has allowed us to keep more community farms alive," Safwan added.





Residents of the Kangkar Pulau Kenari Flats attending to their farm.



Ruhaidah: The Kangkar Pulau Kenari Flats community farm started in 2018 through collaboration with MBIP and UTM.



Md Azaly showing some of the plans for the expansion of the Pondok Kebun farm.

"It is also nice to see young children spending their time here. There are schoolchildren who come almost every day to care for the plants and farm animals," she noted.

Another urban farming project that has been successful is the Kangkar Pulau Kenari Flats community farm.

The project, led by the flats residents community secretary Ruhaidah Mohd Arif, started in 2018 through collaboration with Iskandar Puteri City Council (MBIP) and Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

She said the farm had a wide variety of flowers, vegetables, fruits and herbs such as banana, papaya, turmeric, ginger, ladies' fingers, spinach, ulam and chilli.

"Initially, residents from only about 20 units were involved in the project. The number has now grown to about 60.

"We have been getting support from government agencies such as MBIP, UTM and the state agriculture department.

"Residents can also buy fresh vegetables from our farm here directly," said Ruhaidah.

She said that besides getting their supply of fresh vegetables, residents had grown closer to each other by being involved at the farm.

"We can see a huge difference in terms of cooperation among residents once the farm was started.

"Even incidences of theft have dropped significantly as the people look out for each other.

"Besides the farm, residents have also been involved in a recycling project where they go from house to house to collect recyclable items for sale," she said.

Ruhaidah said teenagers, too, actively participated in the flats' community programmes, with some taking on the duty of collecting recyclables on weekends.

"We hope to keep developing our projects and get more residents involved in these initiatives," she added.

Besides these community groups, there are individuals living in the city who plant fruits and vegetables for their own consumption.

Among them is Tan Lai Kwee, 53, who gets his supply of fresh vegetables from his community patch in Taman Perling, Johor Baru.

Among plants he grows are chillies, long beans, pak choy, guava and passion fruit.

"I have been planting fruits and vegetables on a small plot in front of my house for many years.

"During the Covid-19 pandemic, I became more active at the vegetable plot as there was less work at the furniture factory," said the carpenter.

"My mother and I have been busy with gardening and we rarely need to buy fruits or vegetables from the shops," he said, adding that he shared the harvest with his family.

Tan encouraged more people, especially urbanites, to take part in farming as it was beneficial to their health and good for the environment.



Badrul Hisham: Imufarm is set up to help people in the B40 group increase their production capacity.

The Iskandar Regional Development Authority (Irda), too, is expanding efforts to create more urban and community farms and kick-started the Iskandar Malaysia Urban Farming (Imufarm) in 2017.



Safwan says 14 communities are awarded RM15,000 each to improve their farms.

Irda chief executive officer Datuk Dr Badrul Hisham Kassim said the project was established to help those in the B40 category participate in small to medium-scale food production activities

for their own consumption or sale.

"To date, we have supported eight community farms under our Imufarm 1.0 project involving 140 participants from the B40 and M40 category.

"Under the Imufarm 2.0 project, we started two pilot urban farm projects using the indoor farming system for mushroom cultivation. Both these projects involve four youths," he said.

Badrul Hisham said support from Irda consisted of agriculture equipment or system, infrastructures such as the installation of utilities, fences and low-carbon elements.

"We have expanded the scope for the project to also include support in the form of guidance and monitoring by a systems provider for a two-year period," he said.

Irda, he said, had allocated a RM350,000 budget to develop another pilot project in Johor Baru

under the Outdoor Integrated Farming System Model using aquaponic and fertigation systems.

"Such initiatives are important to Irda as they provide the people with an alternative source of income while also utilising land and space that have been left idle.

"It can also raise awareness of healthy living and encourage people to care for the environment while increasing their quality of life.

"On top of that, it helps us create more young food and agro-entrepreneurs from the B40 and M40 groups to earn an income through modern agriculture practices," he said.

Badrul Hisham said some 140 participants from the B40 category were able to earn an average of RM2,800 from each harvest through their involvement in the projects.